

Headline	100 graduan bergelar usahawan		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	04 May 2018	Circulation	197,202
Section	Negara	Readership	875,000
Page No	19	ArticleSize	293 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 7,604
Journalist	Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI	PR Value	RM 22,812
Frequency	Daily		



Kompleks Agrobazaar Malaysia beroperasi pertengahan tahun 2019

100 graduan bergelar usahawan

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA SELANGOR – Kompleks Agrobazaar Malaysia yang akan menempatkan kira-kira 100 graduan berniaga dalam bidang perniagaan di Presint 4, Putrajaya dijangka akan beroperasi pertengahan tahun hadapan.



Pengerusi
Lembaga
Pemasaran
Pertanian
Persekutuan
(FAMA), Tan
Sri Badruddin
Amirul-

din berkata, kompleks yang dalam pembinaan itu akan menempatkan usahawan dengan pelbagai jenis perniagaan termasuk buah-buahan, makanan popular dari setiap negeri dan barang basah.

Katanya, pembinaan projek tersebut yang menelan belanja kira-kira RM20 juta mengambil masa setahun untuk di-



BADRUDDIN (depan, kiri) menandatangani plak sebagai simbolik pembukaan MyAgrosis K-Shoppe UiTM cawangan Puncak Alam, Kuala Selangor kelmarin. Turut hadir Ahmad (belakang, dua dari kiri).

siapkan melibatkan kawasan seluas kira-kira 2.5 hektar.

"Dana pembinaan tersebut telah diluluskan dan kini sedang menunggu kelulusan tender. Kita yakin kompleks ini akan mula beroperasi

pertengahan tahun depan.

"Kompleks berkonsepkan pasar raya ini akan diuruskan sendiri oleh graduan usahawan malah perniagaannya juga dijalankan secara individu yang mana 100 usaha-

wan terpilih akan membawa masuk pelbagai produk mereka di situ," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas program sembang santai bersama kira-kira 100 pelajar Universiti Teknologi Mara kampus Puncak Alam di sini kelmarin.

Turut hadir, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak dan Pengarah FAMA Selangor, Datuk Abdul Ghaffar Ramin.

Kompleks Agrobazaar Malaysia merupakan cetusan ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak apabila mengumumkan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk kompleks berkenaan pada pembentangan Bajet 2018 tahun lalu.

Menurut Badruddin, pemilihan graduan usahawan di kompleks tersebut akan dilakukan menerusi sesi temu duga bagi memastikan hanya graduan usahawan yang benar-benar serius ditempatkan di kompleks berkenaan.